

# Kes Sosilawati, Ahmad Sarbani

*Kes berprofil tinggi menggemparkan seluruh rakyat Malaysia*

**ANITA ABU HASAN** (anita@sinarharian.com.my)

**H**ari ini dua kes paling menarik perhatian rakyat Malaysia membuka tirai masing-masing di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan Mahkamah Koroner Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Pertama, perbicaraan kes pembunuhan jutawan kosmetik, Datuk Sosilawati Lawiya di Mahkamah Tinggi dan satu lagi, Inkues kematian Penolong Pengarah Kastam Selangor, Ahmad Sarbani Mohamed, 56, di Mahkamah Koroner.

Sebarang kisah terselindung akan tersingkap dan pastinya apa jua yang dilontarkan dalam mahkamah nanti menjadi tatapan semua kerana menerusi prosiding berkenaan maka cerita sebenarnya diperoleh berdasarkan keterangan saksi dan bukti-bukti dikemukakan.

Tidak ketinggalan pihak media adalah individu paling sibuk dan berlumba-lumba untuk mencari sasaran bahan berita utama daripada kedua-dua kes itu.

Sehubungan itu, STATUS membuat sorotan mengenai kedua dua kes gempar itu yang masing-masing memulakan prosiding pagi ini.



**SOSILAWATI**

**PEMBUNUHAN** kejam terhadap Sosilawati, 47, yang merupakan pengasas kosmetik kecantikan, Nouvelle Visage bermula dengan laporan kehilangan jutawan itu bersama tiga individu iaitu peguam Ahmad Kamil Abd Karim, 32, Pegawai Bank CIMB, Norhisham Mohammad, 38, dan pembantu peribadinya,

Kamarudin Shamsudin, 44, pada 30 Ogos tahun lalu.

Menurut laporan media, anak sulung jutawan itu, Erni Dekritawati Yuliana Buhari, 26, membuat laporan polis setelah ibunya dan tiga yang lain itu tidak pulang selepas pergi ke Banting atas urusan jual beli tanah.

Ia menjadi kes jenayah berprofil tinggi paling menarik perhatian orang ramai bagi 2010 kerana bermula daripada kehilangan misteri sehinggalah berita mendedahkan empat individu itu dibunuh dalam sebuah ladang kelapa sawit di Ladang Gadong, Tanjung Sepat, Morib selepas dikatakan diseksa secara kejam.

Terdapat dakwaan, kesemuanya dipukul hingga mati



**Kereta mangsa menjadi sebahagian daripada siasatan sehingga menjumpai lokasi pembunuhan kejam, Ogos lalu.**

dan kemudian mayat dihimpun serta dibakar.

Selepas terkejut dengan berita Sosilawati meninggal dunia, rakyat negara ini terus tersentak apabila seorang be-

kas peguam dipercayai mempunyai urusan perniagaan dengan jutawan itu, N Pathmanabhan, 42, ditahan setelah dipercayai menjadi dalang pembunuhan.

## KRONOLOGI PEMBUNUHAN SOSILAWATI

### 30 Ogos 2010

Sosilawati bersama Kamaruddin, Noorhisham dan Ahmad Kamil dilaporkan hilang.

### 6 September 2010

Kereta BMW M5 kepunyaan Sosilawati ditemui di parkir di Pangsapuri Angsana, USJ 1 dan kereta Ahmad Kamil ditemui berhampiran sebuah hotel di Subang Jaya.

### 12 September 2010

Polis sahkan mereka semua dibunuh

### 13 Oktober 2010

NPathmanabhan dan tiga pekerja ladang T Thilaiyalagan, R Matan, dan R Kathavarayan dituduh membunuh mereka di Mahkamah Majistret Telok Datok, Banting.

### 15 Oktober 2010

Dua pekerja ladang, K Sarawanan dan U Suresh mengaku salah lupuskan bukti pembunuhan dan dihukum penjara tujuh tahun.

### 21 Februari 2011

Mahkamah Tinggi Shah Alam pinda hukuman penjara Sarawanan dan Suresh menjadi 20 tahun kerana hukuman asal tidak setimpal dengan perbuatan kejam mereka.

### 30 Mac 2011

Pathmanabhan bersama Thilaiyalagan, Matan dan Kathavarayan didakwa di Mahkamah Tinggi Shah Alam terhadap tuduhan membunuh Sosilawati dan rakannya.

### 3 Mei 2011

Tuntutan harta Sosilawati terhadap bekas suaminya, Nash dibatalkan kerana kematian Sosilawati.

### 4 Julai 2011

Perbicaraan hari pertama di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

Manakala pembunuhan itu dilakukan pekerja ladang. Bayangkan, satu kes pembunuhan terancang dan salah seorang mangsanya adalah ahli perniagaan dan kes pula dipercayai melibatkan seorang pakar undang-undang.

STATUS percaya sesiapa juga akan tertanya-tanya dan ingin mengetahui motif sebenar pembunuhan, apatah lagi kisah Ladang Gadong tidak terhenti setakat menyimpan rahsia kematian tragis Sosilawati serta rakan-rakannya itu.

Sebaliknya kisah ladang kelapa sawit terbabit menjadi panjang apabila dikaitkan pula dengan laporan kehilangan beberapa individu lain.

Malah pada 28 September 2010, polis mengesahkan menemui beberapa lokasi dalam ladang milik Pathmanabhan hingga penggalian kubur dilakukan bagi membantu siasatan kes individu lain yang hilang didakwa melibatkan bekas peguam itu.

Bukan lagi omongan kosong untuk mengatakan Sosilawati dan yang lain mati dibunuh kerana pada 15 Oktober 2010, dua pekerja ladang K Sarawanan, 20, dan U Suresh, 27, mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Telok Datok Banting bahawa mereka melupuskan bukti pembunuhan semua mangsa.

# Kes kematian Ahmad Sarbini Suara 4/7/2011 Ms 15

Rakyat yang terkejut kerana kedua-duanya melakukan perbuatan itu untuk melindungi majikan mereka, Pathmanabhan dan tiga lagi pekerja ladang T Thilaiyalagan, 20, R Matan, 21, dan R Kathavarayan, 31 daripada dikenakan tindakan undang-undang.

Mereka berdua mengaku terhadap tuduhan mengangkat, membakar dan membuang abu mayat semua mangsa.

Sarawan mengaku melakukannya pada 31 Ogos 2010, di Jalan Tanjung Layang, Tanjung Sepat, Banting, sementara Suresh mengaku melakukannya di Sungai Panchau, Jalan Morib Banting.

Berdasarkan fakta kes, ironinya pada hari seluruh rakyat Malaysia sedang sibuk ingin menyambut Hari Kemerdekaan ke 53, Sosilawati dan tiga mangsa itu diperlakukan tragis bermula dengan mayat mereka disusun atas longgokan kayu.

Selepas itu dituang dengan minyak petrol dan diesel lalu dibakar dan kemudian abu mayat mereka dimasukkan ke dalam sebuah tong biru lalu dibuang ke dalam Sungai Panchau.

Betapa kejam perlakuan itu terhadap manusia yang dilakukan oleh manusia sendiri. Ahli keluarga, sahabat handai malah orang ramai turut berasa terpukul dengan cara pembunuhan ke atas Sosilawati yang juga bekas isteri penyanyi, Nash serta tiga individu itu.

Dua pekerja ladang yang disabitkan bersalah itu pada awalnya dihukum penjara tujuh tahun yang diperintahkan Mahkamah Majistret Telok

**JIKA** kes Sosilawati gempar kerana dibunuh kejam tetapi pada 6 April tahun ini, rakyat Malaysia sekali lagi gempar dengan berita kematian mengejut Penolong Pengarah Kastam Selangor, Ahmad Sarbani Mohamed (*gambar*) di bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur.

Ahmad Sarbani merupakan Penolong Pengarah Cawangan Import, Eksport dan Kawalan Sempadan kastam Selangor.

Kes membuatkan masyarakat tertanya-tanya bukan kepada kematian itu sahaja tetapi melibatkan tempat kematian kerana kes Ahmad Sarbani menjadi rentetan kes Setiausaha Politik Exco Selangor, Teoh Beng Hock yang mati dikaitkan dengan SPRM.

Bukan menyalahkan spekulasi atau pembawa khabar angin tetapi rentetan peristiwa memang wajar dipersoalkan apabila kedua-dua mereka mati terjatuh di bangunan SPRM. Tanpa ada saksi mata, spekulasi berleluasa dan yang me-



nerima tempiasnya adalah SPRM.

Maka sekali lagi untuk mencari rahsiannya, Inkuies diadakan untuk mengetahui punca kematian, Ahmad Sarbani yang bermula hari ini hingga 15 Julai depan di Mahkamah Koroner, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Prosiding selama 10 hari itu akan didengar oleh Majistret Aizatul Akmal Maharani yang akan bertindak sebagai koroner.

Pada 3 Jun lalu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengemukakan permohonan di Mahkamah Majistret untuk mengadakan inkuies itu dengan menyertakan

laporan kematian mengejut (SDR) Ahmad Sarbani.

Permohonan itu dipersetujui Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail bahawa inkuies diadakan itu bagi menyasat secara menyeluruh punca kematian Ahmad Sarbani.

Ahmad Sarbani, 56, ditemui mati di gelanggang badminton di tingkat satu bangunan SPRM Wilayah Persekutuan, Jalan Cochrane, Kuala Lumpur pada 6 April lalu, disebabkan kecederaan parah akibat jatuh dari tempat tinggi.

Arwah dilaporkan pergi ke pejabat berkenaan untuk bertemu pegawai penyiasat SPRM berhubung siasatan kes rasuah melibatkan 62 pegawai Kastam.

Pelbagai spekulasi timbul berkaitan kematian itu daripada orang ramai malah ahli keluarga Ahmad Sarbani turut mendakwa ada sesuatu di sebalik kejadian.

Bagi inkuies ini, SPRM diwakili peguam, Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah yang sebelum ini

mewakili badan itu dalam Suruhanjaya Beng Hock.

Segala cerita dan fakta dalam kes Sosilawati dan Ahmad Sarbani akan tersingkap satu persatu menerusi perundangan bermula hari ini.

Al Fatihah buat semua arwah.



Datok, tetapi terpaksa meringkuk di penjara lebih lama selepas Mahkamah Tinggi Shah Alam meminda hukuman penjara kepada 20 tahun.

Hakim Datuk Mohtarudin Baki memutuskan hukuman diputuskan Majistret Hurman Hussain itu tidak memadai dengan kesalahan yang dilakukan dan beliau percaya sesiapa sahaja bersetuju bahawa hukuman itu tidak sepadan terhadap kes amat mengejutkan masyarakat itu kerana empat orang dibunuh dalam satu kejadian yang sama.

Untuk rekod, Mohtarudin membuat semakan kehakiman mengikut Seksyen 323 Kanun Tatacara Jenayah iaitu seseorang hakim boleh membuat semakan terhadap keputusan mahkamah rendah untuk membetulkan keputusan, rumusan, hukuman dan perintah.

Tiada siapa mengetahui keadaan susuk tubuh mayat mereka setelah dikatakan diseksa terlebih dahulu tetapi nyata pembunuhan itu sangat tragis apabila yang tinggal hanya abu dan cebisan tulang.

Pada 30 Mac lalu, Pathmanabhan dan tiga pekerja ladang, Thilaiyalagan, Matan dan Kathavarayan didakwa di Mahkamah Tinggi Shah Alam terhadap tuduhan membunuh Sosilawati dan rakannya.

Pada 13 Oktober 2010, mereka dituduh di Mahkamah Majistret Telok Datok selepas genap 45 hari kehilangan semua mangsa dilaporkan.

Pathmanabhan dan tiga lagi tertuduh didakwa membunuh keempat-empat mangsa antara jam 8.30 hingga 9.45 malam, 30 Ogos 2010 di Lot No. 2001, Jalan Tanjung Layang, Tanjung Sepat, Morib.

Rentetan peristiwa pembunuhan, motif dan kisah di sebalik kematian tragis itu akan disingkap satu persatu dalam perbicaraan kes yang didengar oleh Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Akhtar Tahir.

## Perbicaraan bermula

**HARI** ini pihak pendakwaan akan memulakan proses perbicaraan dengan terlebih dahulu membuat ucapan pembukaannya, kemudian perbicaraan diteruskan dengan memanggil beberapa saksi biasa untuk memulakan keterangan.

Pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya, Ishak Mohd Yusof dengan dibantu Timbalan-timbalan Pendakwa Raya, Idham Abd Ghani dan Saiful Edris Zainuddin. Manakala barisan peguam terdiri daripada Manjeet Singh, Pushpa Ratnam, Amer Hamzah Arshad, Datuk Ng See Teong, Ravi Nekoo dan Gurbachan Singh.

Ishak ketika dihubungi STATUS tengahari semalam, mengesahkan setakat ini perbicaraan hari pertama itu dimulakan pagi ini. Pada masa sama beliau memaklumkan bahawa lebih daripada 50 saksi pendakwaan akan dikemukakan dalam kes itu.

Sebenarnya kes Sosilawati mengimbau kembali kisah dukun wanita, Mona Fandey bersama suami dan pembantunya yang membunuh Ahli Dewan Undangan Negeri Talam, Datuk Mazlan Idris pada 1993. Mangsa dibunuh secara dipancung dengan kapak di leher dan selepas itu tubuhnya dikerat 18 bahagian, tulang dan isinya disiat-siat, dikumpulkan ke dalam bekas dan dicurahkan ke dalam lubang untuk disembunyikan. Cukup ngeri!